

02 SEP 1998

KRUGMAN-KAWALAN MATAWANG/I

KAWALAN MATAWANG BERI RUANG PULIHKAN EKONOMI, KATA KRUGMAN

KUALA LUMPUR, 2 Sept (Bernama) -- Pakar ekonomi Dr Paul Krugman berkata pelaksanaan kawalan matawang oleh Malaysia patut disifatkan sebagai langkah-langkah sementara yang dibuat untuk memberikan ruang bagi pemulihan ekonomi.

Langkah-langkah itu tidak harus dibuat untuk memisahkan Malaysia daripada pasaran modal antarabangsa selama-lamanya, katanya.

Dalam surat terbuka kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas Malaysia mengumumkan langkah-langkah pengawalan, profesor ekonomi Institut Teknologi Massachusetts itu berkata tujuan pengawalan matawang adalah untuk membolehkan penerimaan dasar-dasar pengembangan kewangan dan fiskal.

Oleh itu, langkah-langkah itu harus diguna untuk mempromosi pemulihan ekonomi sebenar, katanya dalam suratnya yang diterbitkan di halaman webnya di <http://web.mit.edu/www.mahathir.html>.

"Pemulihan seperti itu akan, jika berjalan lancar, mengurangkan masalah kemungkiran hutang sektor korporat dan pinjaman tidak berbayar dalam sektor perbankan," kata Krugman.

Sambil berharap dasar drstik ini akan membuahkan hasil, beliau berkata pelaksanaan kawalan matawang adalah langkah pengisian sementara.

"Bagi dasar baru ini berjaya, bagaimanapun, kebebasan tindakan yang didapati daripada kesediaan anda (Dr Mahathir) menentang arus ortodoks mesti diguna sepenuhnya," beliau menyarankan.

Krugman juga berkata pelaksanaan sebenar harus mempunyai matlamat tidak akan, seboleh-bolehnya, mengganggu perniagaan biasa.

Iblis boleh menyerupai bermacam-macam bentuk, iaitu, dalam dasar yang teguh konsepnya boleh gagal jika peraturan-peraturannya tidak dirangka dengan betul.

Krugman berkata pengumuman awal rancangan itu dilihat memberikan bayangan soalah-olah rakyat Malaysia yang keluar negara akan dihadkan membawa jumlah wang yang terlalu sedikit.

"Ini perlu ditentukan sepertimana juga sebarang kegagalan lain yang menjadi kenyataan apabila kajian lanjut dibuat atau menerusi pengalaman," katanya.

Krugman juga berkata tidak kira secepat mana pengawalan matawang itu dilaksanakan, penyelewangannya terhadap ekonomi adakah serius, dan akan bertambah buruk.

"Sebab itulah, kawalan-kawalan itu mesti disifatkan sebagai langkah sementara untuk memberikan ruang bagi pemulihan ekonomi, bukan sebagai penyisih Malaysia daripada pasaran modal antarabangsa selama-lamanya."

Krugman berkata adalah lebih baik ditentukan tarikh penghapusan kawalan itu sekarang -- paling lamapun tiga tahun dari sekarang, atau kurang -- dengan kemungkinan dilonggarkan apabila ekonomi pulih.

Beliau berkata pengalaman menunjukkan bahawa kawalan matawang akan merosakkan jika ia digunakan untuk mempertahankan matawang yang terlebih nilai, dan kemudiannya akan berubah daripada sebagai pertahanan sementara terhadap spekulasi kepada sistem perlindungan dagangan kekal.

Malaysia, katanya, tidak memerlukan ringgit yang kuat, tetapi kadar tukaran asing sebenar yang berdaya daing supaya dapat meningkatkan eksport.

Beliau berkata dasar baru ini harus memberikan ruang pertumbuhan ekonomi sahaja dan tidak harus digunakan sebagai usaha untuk membuktikan hujah-hujah mengenai kekuatan ekonomi sebelum krisis dan kejahatan

dana-dana lindung nilai.

"Jika Malaysia benar-benar berjaya dalam mencapai pemulihan, ia akan menjadi pengajaran kepada kita semua," katanya. -- BERNAMA

YY JR OS